

# Prayer Items Berdoa 7-13/6/2015

Tidak kiralah di mana pun kita berada, kunci kebahagiaan dan ketenangan terletak pada sejauh mana kita mendekati-Nya. Dalam sesebuah keluarga ataupun gereja, sekiranya kita tidak mematuhi ajaran Tuhan, sebaliknya mencari gantian untuk kepentingan diri sendiri, lama-kelamaan hidup kita akan terjerumus ke dalam kekacauan. Inilah sebabnya kita lihat zaman sekarang, banyak negara di dunia ini yang dilanda kekacauan. Kalau kita nak mengatasi masalah ini, kita perlulah mematuhi dan mengamalkan ajaran Tuhan untuk menentukan keutamaan hidup kita sebagai manusia di bumi ini, menjadikan Tuhan sebagai keutamaan dan meletakkan segala urusan di tangan-Nya.

## Refleksi:

Yesaya 38: 1-4 Allah mengutus seorang nabi untuk berjumpa dengan Hizkia dan memintanya untuk meninggalkan bukti agar keluarganya mempunyai keutamaan. Walaupun ini disebabkan Hizkia hampir mati dan terpaksa lakukan, tetapi kita boleh belajar daripada hal sedemikian. Dalam empat puluh hari akan datang, kita perlu mempunyai hati yang tulus dalam mencari Tuhan agar Tuhan dapat menyesuaikan keutamaan dalam kehidupan, keluarga, gereja dan perintah negara. Kita perlu mengakui kelemahan dan meminta Tuhan untuk membantu kita dalam menyesuaikan kehidupan dan sumbangan dalam gereja.

## Doa:

-Gereja dan Negara: Kita harus mengakui dosa-dosa seperti pemberontakan, ketidakadilan, ketidakpatuhan undang-undang Tuhan dan pencarian benda-benda lain sebagai gantian kepada Tuhan serta bertaubat.

-Gantikan idola Tuhan: materialistik, individualistik, status kekayaan

-Berpusatkan diri sendiri: bangga, pertikaian, kawalan

-Perkara yang tidak bermoral: ketamakan, keinginan nafsu, sumbang mahram

-Tidak suci: penipuan, pengkhianatan, bercakap besar, fitnah yang berniat jahat dan lain-lain

-Ketidakadilan: Bersikap acuh tak acuh terhadap orang yang hilang, orang miskin, orang-orang yang tertindas

-Berdoalah kepada Tuhan untuk menyusun semula ahli-ahli dalam Kristus agar kita boleh bersatu dalam Roh-Nya. Minta Tuhan untuk menyembuhkan pepecahan hubungan agar gereja-gereja dapat bersatu.

-Berdoa agar keadilan Tuhan dan integriti dapat ditunjukkan dalam setiap kerajaan dan

institusi swasta. Berdoa agar Tuhan mengurniakan kebijaksanaan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Parlimen agar mereka taat kepada Tuhan. Minta Tuhan untuk menjamin keamanan, keharmonian dan kemajuan dalam negara kita.

### **Kekayaan Negara**

Tuhan meminta kita untuk memperoleh kekayaan melalui ketekunan kita. Kita harus menggunakan taktik yang sah untuk mendapatkan kekayaan dan berkongsi kekayaan dengan orang miskin. Kesudian kita untuk berkongsi merupakan perkara yang dititikberatkan oleh Tuhan. Setiap umat Tuhan harus belajar untuk mengenali Tuhan yang mempunyai keadilan dan kesetiaan setiap hari. Dengan itu, orang-orang yang tidak percaya kepada Tuhan akan mencontohi Ratu Sheba yang memberikan kemuliaan kepada Tuhan!

### **Refleksi:**

**Ulangan 8:** 17-18, Matius 6:33 Berdoa kepada Tuhan untuk membuka minda kita agar kita dapat mengenali Tuhan yang memberikan kurniaan yang sempurna. Kita berdoa agar dapat orang lain dapat melihat kebenaran Tuhan, kesetiaan dan integriti daripada diri kita di tempat kerja. Maka, Tuhan menyeru kita untuk melihat kelemahan diri sendiri dan bertaubat.

### **Doa:**

-Mengakui dosa-dosa seperti tamak, materialistik, kebanggaan dan bertaubat. Minta Tuhan untuk membantu kita dalam mengubah hati kita agar kita dapat bersyukur atas keberkatan Tuhan kepada negara kita.

-Berdoa kepada Tuhan untuk menyentuhkan hati kita agar sanggup mendermakan wang untuk manfaat orang lain dan mempunyai belas kasihan bagi mereka yang memerlukan.

-Berdoa kepada Tuhan supaya semua transaksi yang tidak adil dapat dinyatakan dan diperbetulkan. Berdoa agar perlembagaan dapat dipinda untuk menyekat semua kelemahan dalam undang-undang.

-Berharap agar kumpulan perniagaan sudi untuk menderma kepada mereka yang memerlukan sama ada di dalam dan di luar negara. Mazmur 19:17 berkata, orang yang mempunyai belas kasihan kepada orang yang miskin merupakan golongan yang bersedia untuk memberi pinjaman kepada Tuhan. Inilah rahmat Tuhan!

## **Golongan muda di Sabah dan Sarawak**

Kerajaan sedang mengambil langkah untuk membolehkan lebih ramai golongan muda bumiputera di Malaysia Timur menganuti agama Islam. Pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai acara di rumah panjang seperti penubuhan asrama agar umat Islam atau pegawai-pegawai mempunyai peluang untuk mempengaruhi para pelajar.

Ini menyebabkan kebimbangan besar daripada pelbagai pihak kerana kebanyakan orang Kristian berasal dari Sabah atau Sarawak. Tindakan segera perlu dilaksanakan agar generasi muda yang seterusnya dapat dididik untuk mempunyai pegangan agama yang teguh dan tidak mudah dipengaruhi oleh agama yang lain.

### **Refleksi:**

Kolose 2: 6-12 "Apabila kita mematuhi ajaran-Nya- Apakah yang bermakna kepada anda? Adakah anda benar-benar mematuhi ajaran Tuhan dalam kehidupan sebenar?"

### **Doa:**

-Bersyukur kerana Tuhan melindungi Sabah dan Sarawak. Berdoalah agar Tuhan melindungi golongan muda secara berterusan agar kita tidak dipengaruhi oleh pandangan yang negatif.

-Berdoalah kepada Tuhan agar Pastor bagi orang asli dan pemimpin gereja dapat berwaspada tentang strategi musuh dan seterusnya memainkan peranan dalam menasihati dan membimbing golongan muda. Berdoalah agar mereka mempunyai keupayaan untuk menyebarkan firman Tuhan dan terus berkhidmat untuk gereja.

-Berdoalah kepada Tuhan agar mengurniakan sumber kewangan yang mencukupi untuk gereja, penubuhan sekolah, tadika, pusat latihan supaya generasi muda yakin terhadap firman Tuhan.

-Semoga Tuhan menyeru agar lebih ramai generasi muda untuk menjadi tonggak gereja di samping bersedia untuk menyahut seruan untuk menjadi mubaligh, pastor atau guru dan utusan Injil.

-Berdoa agar gereja di Malaysia Timur dan Malaysia Barat dapat bekerjasama dalam membantu mereka yang dipisahkan.

## **Perbezaan dan perpaduan**

Setiap minggu, mereka akan mengadakan perjumpaan untuk mengkaji Firman Tuhan, nyanyian dan mempunyai kesatuan dalam Tuhan. Walaupun terdapat perbezaan dari segi pandangan mereka mengenai erti Kitab Suci, mereka masih melayan satu sama lain atas rasa kecintaan dan kesabaran. Apabila menjelang hari Ahad, mereka dibahagikan kepada Katolik, Presbyterian, Anglikan, Baptist, Methodist. Terdapat orang yang mengangkat tangan mereka dan berkata-kata dalam bahasa roh serta menyanyi puisi dengan penuh tegas. Walau bagaimanapun, saudara-saudara tersebut percaya Efesus 4: 5 berkata, "satu tubuh, dan satu Roh, sebagaimana kamu telah dipanggil kepada satu pengharapan, satu Tuhan, satu iman, satu baptisan, satu Allah merupakan Bapa kepada semua orang." Dalam mendapatkan perpaduan dalam Tuhan, mereka perlu memberi tumpuan kepada Firman Tuhan, berdoa kepada Tuhan, menyebarkan Injil secara aktif, kerana mereka percaya bahawa Zakharia 14: 9 mengatakan, "Tuhan merupakan raja di seluruh bumi, dan pada hari itu akan menjadi Tuhan yang tiada ganti-Nya, dan namanya juga satu."

## **Refleksi:**

Efesus 4: 3-5, Mazmur 133. Bersyukur kepada Tuhan kerana menyeru semua mazhab. Umur berbeza dalam mazhab yang bersatu dalam Tuhan merupakan perkara yang menakjubkan! Musuh mesti lumpuh!

## **Doa:**

-Minta Tuhan untuk mengampuni kesombongan kita dan membantu kita menjadi kurniaan orang lain serta melihat sorakan

-Semoga gereja boleh mengadakan pelbagai acara, melalui doa, ibadah dan Firman Tuhan untuk menggalakkan perpaduan orang ramai. Semoga Kristian mempunyai visi yang sama dan bekerjasama untuk mengubah masyarakat dan negara ini.

-Kita ingin mempunyai suara yang bersatu dan menjadi jurucakap yang benar mengenai sesuatu isu.

-Semoga Tuhan memberkati semua pemimpin mazhab agar setiap mazhab dapat bersatu dalam doa.